

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PELANCARAN PENUBUHAN BADAN AMAL DAN KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI
WAKIL-WAKIL RAKYAT (SERIKANDI) NEGERI TERENGGANU
Lokasi : DEWAN BESAR, WISMA DARUL IMAN, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
Tarikh : 23-06-1988

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Haji Wan Mokhtar Wan Ahmad, Menteri Besar Terengganu; Yang Berbahagia Dato Dr. Haji Mohd. Yusof Noor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan, Saya berasa bertuah kerana diberi penghargaan untuk melancarkan penubuhan Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil-Wakil Rakyat (SERIKANDI) Negeri Terengganu pada hari ini.

2. Selaku Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri-Menteri, Timbalan-Timbunan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen (BAKTI), saya berasa bangga dengan wujudnya SERIKANDI yang boleh dianggap sebagai rangkaian kepada BAKTI, sepertimana juga pertubuhan Isteri-Isteri Wakil-Wakil Rakyat di negeri-negeri lain. Dengan adanya rangkaian seperti ini, sudah tentu akan membolehkan hasrat dan cita-cita kita untuk bersama-sama membantu dan melengkapkan perjuangan suami dilaksanakan dengan lebih lancar dan menyeluruh.

Puan-puan sekalian,

3. Perjuangan dan tugas suami sebagai pemimpin rakyat tidak wajar dibiarkan bersendirian. Sebagai isteri, kita perlulah melengkapkan diri dengan segala keperluan yang dikehendaki bagi membantu tugas dan amanah yang dipikul oleh suami. Dengan itu, insya-Allah akan dapat melahirkan seorang pemimpin yang benar-benar dapat menyempurnakan amanah yang diberikan, demi kesejahteraan bangsa dan negara yang kita cintai ini. Adalah juga merupakan tugas kita bersama supaya memahami tugas suami untuk melahirkan sebuah masyarakat yang membangun dan maju dengan kepimpinan yang bersih, cekap dan amanah. Masih banyak yang boleh dan perlu dilakukan bagi melengkapkan kepimpinan suami. Melalui cara berpersatuan ini, kita akan dapat berkumpul sebagai satu pasukan untuk bergerak secara cergas bagi mengisi ruang-ruang kosong yang masih ada dengan kegiatan-kegiatan yang difikirkan perlu dan sesuai.

4. Saya difahamkan di antara lain matlamat utama SERIKANDI ialah untuk menyatupadukan isteri-isteri pemimpin di negeri ini, melancarkan kegiatan kebajikan kepada ahli dan juga masyarakat dan mendedahkan ahli-ahli dengan ilmu dan pengalaman yang perlu sebagai isteri pemimpin.

5. Perpaduan memanglah menjadi perkara penting dalam apa perkara sekalipun. Dengan perpaduan sahajalah akan menjauhkan kita dari persengketaan, yang boleh mengancam keharmonian. Dalam suasana yang aman dan harmoni kita dapat menjalani kehidupan dengan selesa. Kerja-kerja kebajikan dan amal bakti juga dapat kita laksanakan sebaik-baiknya dalam suasana yang penuh muafakat dan kerjasama. Dengan bersatu, kita juga akan dapat bertukar-tukar fikiran bagi mendapatkan cara yang sesuai ke arah membantu karier suami.

Puan-puan sekalian,

6. Satu perkara yang amat penting ialah ilmu pengetahuan.

Ini satu hakikat yang harus kita terima. Oleh itu, setelah kita menyedarinya, perlulah kita mencari jalan untuk sama-sama memperbaiki keadaan dan menambah kekurangan dengan menimba ilmu. Isteri adalah sebahagian daripada imej suami.

Orang akan melihat seorang pemimpin itu, bersekali dengan isteri dan latarbelakang keluarganya. Tentulah kita tidak ingin mencemarkan kepimpinan suami dengan sebab-sebab kelemahan kita sendiri.

7. Berdasarkan hakikat untuk membantu keutuhan kepemimpinan suami, adalah diharapkan pihak suami dapat memberi dorongan dan kerjasama untuk kemajuan isteri-isteri mereka. Pihak suami hendaklah bersama-sama memahami tujuan dan matlamat yang ingin dicapai oleh isteri-isteri mereka melalui pertubuhan yang dibentuk ini.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

8. Saya telah menyebutkan bahawa perpaduan dan ilmu pengetahuan adalah sebagai suatu perkara yang penting bagi isteri pemimpin. Selain daripada itu, sebagai isteri kepada pemimpin dan sebagai pemimpin wanita, kita juga telah sampai ke tahap di mana kita perlu menjaga watak dan tingkah-laku kita sendiri. Ini amatlah penting supaya kita sentiasa dihormati orang lain. Seringkali terdapat kumpulan-kumpulan wanita yang meluahkan perasaan mereka terhadap sesuatu, tetapi tidak pula mengamalkannya ataupun menjauhkan diri mereka daripada berbuat sesuatu yang akhirnya boleh merugikan dirinya atau kaum wanita itu sendiri.

9. Maruah seseorang itu perlulah dijaga melalui perbuatan-perbuatan dan tingkah laku yang baik, apatah lagi sekiranya kita sebagai isteri pemimpin atau pemimpin wanita yang dihormati dan menjadi teladan yang baik kepada isteri-isteri dan pemimpin yang lain. Cogan kata 'Kepimpinan Melalui Teladan' adalah suatu pesanan untuk kita semua.

10. Kepimpinan melalui teladan ini bukan sahaja dalam tugas-tugas kita kepada masyarakat bahkan ianya perlu bermula dari rumah di mana anak-anak mengharapkan pimpinan daripada ibu. Di sini saya ingin menekankan betapa pentingnya bagi ibu-ibu untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang dikehendaki oleh Islam supaya lahir suatu keluarga dan masyarakat yang beramanah, berdisiplin, rajin bekerja, tekun dan peka terhadap keadaan sekitarnya.

11. Amalan-amalan seperti ini mudah dilaksanakan di rumah oleh ibubapa dan mudah juga untuk dididik kepada anak-anak itu dari masa ia kecil lagi.

12. Umpamanya amanah, sekiranya anak yang bersekolah berjanji untuk balik ke rumah pada sekian-sekian jam atau membuat sesuatu kerja di rumah, ia mestilah menepati janjinya itu. Begitu juga sekiranya ibubapa berjanji sesuatu yang baik kepada anak mereka, mereka juga perlu menepati janji mereka.

13. Disiplin - mendidik anak-anak mengenai kebersihan; membuang sampah di tempat sampah, mengemas buku-bukunya ataupun meja mereka. Disiplin masa - bangkit awal pada waktu pagi dan tepat tiba pada masanya. Ini adalah sesuatu kelemahan kaum wanita iaitu tidak mendisiplinkan diri mereka untuk tiba pada waktu yang telah ditetapkan.

14. Kerajinan - ibu mendidik anak-anaknya supaya rajin membaca, mengemas rumah malahan rajin membuat apa juga kerja sehingga mencapai kemajuan dan kejayaan dalam bidang kerja itu.

15. Seperti yang saya sebutkan awal-awal lagi, kita sebagai pemimpin masyarakat dan sebagai pemimpin di rumah akan diperhatikan oleh mereka dan oleh itu kita perlulah mengingatkan diri kita sendiri akan nilai-nilai murni ini supaya benar-benar menjadi pemimpin yang dihormati, diteladani dan disegani.

16. Saya berharap SERIKANDI di bawah pimpinan Dato' To' Puan Seri Aishahtun, isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Terengganu dapat membawa SERIKANDI ke arah matlamat yang dituju dengan jayanya. Semoga dengan ini peranan kita sebagai pemimpin wanita akan dapat dihayati oleh masyarakat kerana tenaga wanita mestilah dikongsikan bersama-sama dengan kaum lelaki bagi mewujudkan masyarakat yang makmur dan negara yang maju.

17. Dengan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan merestui penubuhan SERIKANDI dan memberi taufik dan hidayahNya kepada ahli-ahli supaya berjaya dalam aktiviti-aktiviti mereka.

18. Saya dengan sukacitanya serta dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, melancarkan Badan Amal

dan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat (SERIKANDI) Negeri Terengganu dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.